

21/07/1998

Malbatt, Malcon berjaya naikkan imej Malaysia

Fazli Abdullah

MISI Malaysia menyertai pasukan pengaman pelbagai negara melalui Batalion Malaysia (Malbatt) dan Kontinjen Malaysia (Malcon) sejak 1993 hingga pertengahan tahun ini untuk mewujudkan keamanan dan membantu proses pembangunan semula Bosnia-Herzegovina, sudah tercapai.

Bermula dengan 1,487 pegawai dan anggota Malbatt I pimpinan Kol Mohd Hashim Hussein (kini berpangkat Lt Jen dengan memegang jawatan Timbalan Panglima Tentera Darat) pada November 1993, diakhiri Komander Malcon V, Kol Syed Khalid Syed Mahmood yang mengetuai 790 anggota, ternyata penyertaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berjaya menaikkan imej Malaysia di mata dunia.

Kepulangan kumpulan terakhir wira negara baru-baru ini tanpa sambutan bunga manggar dan paluan kompang, selepas menamatkan misi di negara Balkan berikutan desakan kegawatan ekonomi negara, meninggalkan kesan mendalam kepada masyarakat setempat. Malah 'kehilangan' mereka sangat dirasai.

Kepulangan itu bukan bermakna Malaysia bersikap lepas tangan terhadap isu keselamatan antarabangsa selepas membelanjakan hampir Rm1 bilion untuk misi berkenaan, sebaliknya sedia berganding bahu dengan negara lain untuk mewujudkan keamanan bagi keselamatan bersama pada masa depan.

"ATM akan terus menghantar pegawai dan anggota terlatih ke negara yang memerlukan termasuk Bosnia Herzegovina bagi membantu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) demi mengekalkan keamanan antarabangsa," tegas Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Ismail Omar.

Buktinya, ATM sudah menyatakan kesediaan untuk menghantar kira-kira 50 pegawai tentera yang pakar dalam bidang tertentu ke Bosnia berikutan penarikan kontinjen terakhir itu dan kini Nato mengkaji tawaran itu.

Sesungguhnya, komitmen dan keprihatinan Malaysia terhadap usaha mewujudkan keamanan di Bosnia, dibuktikan dengan lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara yang bersengketa itu pada Julai 1994. Kunjungan Perdana Menteri ke tempat yang tidak terjamin keselamatannya, adalah satu kesungguhan Malaysia terhadap usaha keamanan dunia.

Di samping itu, gugurnya pahlawan Melayu di bumi Bosnia juga tidak menggugat semangat juang wira negara. Perwira pertama gugur dan darahnya membasahi bumi Bosnia ialah Allahyarham Mejar Ramli Shaari dari Malbatt I yang terkena periuk api ketika meronda di Sibenik, Croatia, pada 19 April 1994.

Hampir sebulan selepas itu, Mejar Ariffin Zakaria pula diserang hendap oleh militia Serb ketika menjalankan tugas rondaan di Cermencica, Timur Laut Sarajevo pada 12 Mei. Gugurnya dua pahlawan Melayu di Bosnia adalah sebahagian daripada beberapa pahlawan negara yang terkorban ketika bertugas mengamankan dunia sama ada di Bosnia atau di negara lain.

Bertugas di persekitaran yang tidak pernah dilalui sebelum ini seperti suhu di bawah paras beku manakala 'nyawa di hujung senapang', kira-kira 10,500 perwira negara tidak pernah sekali-kali 'tawar hati' atau luntur semangat kental mereka untuk berkhidmat, sebaliknya menjadi pendorong kejayaan mereka.

Antara kejayaan Malaysia di bumi Bosnia yang mendapat perhatian masyarakat setempat dan pasukan negara lain ialah projek G5. Projek itu yang mirip Projek Jiwa Murni seperti membina semula kediaman dan bangunan yang rosak akibat peperangan, berjaya merapatkan tentera dengan masyarakat tempatan. Malah, pasukan negara lain berminat untuk menjadikan G5 sebagai

model.

"Pasukan lain telah mengambil iktibar daripada Projek G5. Besar kemungkinan mereka akan menjadikan pendekatan yang kita gunakan sebagai salah satu modus operandi mereka pada masa depan," kata Panglima Tentera Darat, Jen Datuk Seri Mohd Zahidi Zainuddin.

Dari segi pelaksanaan operasi ketenteraan iaitu rondaan dan pengawasan terbukti berkesan hingga mewujudkan suasana yang selamat. Keadaan ini mendorong ramai pelarian perang kembali ke rumah masing-masing dan mereka bebas bergerak manakala perniagaan, pembangunan dan pentadbiran kerajaan lancar tanpa gangguan.

Mereka juga membantu melancarkan proses pelaksanaan pilihan raya di negara berkenaan, mendamaikan puak bertelagah serta memastikan penduduk tempatan mematuhi aspek ketenteraan selaras dengan Perjanjian Dayton.

Di kalangan rakyat Bosnia, tentera Malaysia digelar harimau. Walaupun nampak berbahaya, mereka cekap bertindak dalam sebarang keadaan serta berhemah tinggi sehingga dihormati pelbagai pihak, termasuk puak bertelagah apabila bertugas.

Gelaran itu diberikan oleh rakyat tempatan sebagaimana diceritakan oleh Mohd Hashim dalam bukunya, *Malaysian Tigers In Bosnia*, yang ditulis berdasarkan pengalamannya memimpin Malbatt I, mulai November 1993 hingga Ogos 1994.

Kejayaan Malbatt dan Malcon mewujudkan keamanan di negara yang bersengketa, membuka mata kepada negara kuasa besar, PBB dan Nato, betapa sebuah negara kecil di rantau Asia, membuktikan keupayaan untuk menyumbangkan keamanan di negara yang bersengketa.

Ketrampilan dan kejayaan perwira Malaysia di negara asing sebenarnya bukan perkara baru. Hakikatnya, ia seperti ulangan kejayaan di Congo (Zaire) pada 1960-1962, iaitu pembabitan pertama di luar negara dengan kekuatan 3,400 pegawai dan anggota. Antara pegawai yang turut menabur bakti ketika itu dan masih berkhidmat hingga kini ialah Panglima Angkatan Tentera sekarang, Ismail.

Selepas itu, ia dibuktikan lagi dengan penyertaan Malaysia di arena antarabangsa yang diteruskan dengan penghantaran tentera ke Namibia (1989-1990), Kemboja (1992-1993), Somalia (1993-1994). Malah, Jen (B) Tan Sri Aboo Samah Aboo Bakar adalah pegawai tinggi ATM pertama dilantik oleh Majlis Keselamatan mengetuai tentera pelbagai negara dalam misi UNOSOM II di Somalia pada 1993-1995.

Mengimbas penyertaan Malaysia di Bosnia, ia bermula sejak ATM bermula menyertai Pasukan Pelindung Bangsa-bangsa Bersatu (Unprofor) yang ditubuhkan pada 21 Februari 1992 berikutan krisis Republik Yugoslavia tercetus pada 1991.

Penubuhan Unprofor bertujuan mewujudkan keamanan dan menyediakan tahap keselamatan yang stabil kepada penduduk republik itu. Bagaimanapun, menjelang akhir September 1992, keadaan menjadi lebih buruk dan memaksa kekuatan Unprofor ditambah. Bagi menyahut mandat Resolusi 836 Majlis Keselamatan, satu kontinjen ATM terdiri daripada 1,489 anggota dan pegawai Malbatt, terdiri daripada Staf Unprofor, Kor Polis Tentera (KPT) dan Pemerhati Tentera, dihantar ke negara Balkan itu.

Misi itu berterusan hingga kontinjen Malbat IV sebelum Nato mengambil alih misi berkenaan selepas mendapat mandat membentuk Pasukan Pelaksana Damai (I-For) pada 20 Januari 1995. Serentak itu, peranan Malbatt di negara Balkan ditukar kepada Malcon, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai satu-satunya negara Asia terbabit dalam I-For sekalipun bukan sebuah negara naungan Nato.

Bagaimanapun, dalam misi itu, ATM hanya menghantar dua kontingen pengaman sebelum ditamatkan pada 20 Disember 1996 dan digantikan dengan Pasukan Penstabil (S-For). Dua kontinjen Malcon dihantar bagi meneruskan

misi pengaman di bumi Balkan sejak peranan I-For digantikan dengan S-For. Kekuatan Malbatt IV ditambah kepada 1,553 untuk menubuhkan Malcon dan terus-menerus sehingga Malcon II dan diteruskan oleh Malcon III keanggotaannya dikurangkan kepada 1,053.

Malcon V seramai 789 adalah kumpulan terakhir berada di bumi Bosnia, yang menjadi sebahagian daripada kira-kira 10,500 pegawai dan anggota yang menaikkan imej negara.

Syed Khalid, ketika ditemui sebaik tiba di tanah air, baru-baru ini, berkata, pengalaman bertugas di Bosnia bersama pasukan negara lain adalah sesuatu yang amat berharga, sekali gus meningkatkan imej ATM di mata dunia.

"Kita adalah satu-satunya negara bukan Nato berkhidmat di bawah naungan pakatan itu. Ini adalah satu pengiktirafan kepada ATM yang menunjukkan kita setaraf dengan mereka," katanya.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang membuat kesimpulan mengenai kejayaan penyertaan ATM di Bosnia, berkata: "Tentera kita kini lebih yakin dengan kemampuan mereka berbanding dulu".

Sesungguhnya, pengorbanan wira negara meninggalkan keluarga semata-mata untuk mendamaikan pertelagahan di bumi asing, malah ada yang tidak sempat menatap orang disayangi untuk kali terakhir, adalah sesuatu yang sangat dikagumi dan tidak akan dilupakan.

Bagi menghargai pengorbanan mereka, selain elaun dan pingat penghargaan, mungkin kerajaan wajar mempertimbangkan sesuatu imbuhan yang dapat menjamin masa depan keluarga mereka. Ganjaran dari segi kewangan mungkin sukar ketika ini kerana negara dilanda kegawatan ekonomi sekarang tetapi ia boleh dipertimbangkan selepas ekonomi pulih.

Sekiranya, jaguh dalam bidang sukan atau pendaki Gunung Everest atau penerjun Kutub Utara, meraih habuan masing-masing kerana mengharumkan nama negara, tetapi apa kurangnya dengan tentera. Kita harap, bilangan tentera yang ramai dalam sesuatu misi tidak dijadikan alasan untuk mengeneipkan mereka daripada menerima sumbangan.

Malah, jika dibandingkan dari segi pengorbanan dan cabaran, ia lebih memihak kepada tentera. Kita harap tidak ada pihak memandang rendah terhadap tentera kerana pengorbanan mereka adalah untuk keamanan bersama.

(END)